



## KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

### KUNJUNGAN MENGHADAP SERI PADUKA BAGINDA: EAIC TEGASKAN KEPENTINGAN INTEGRITI DAN REFORMASI PENGUATKUASAAN

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**20 JANUARI 2026**

YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Bakar, Pengerusi EAIC hari ini telah mengadakan kunjungan sembah menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara. Antara agenda penting yang dibincangkan ialah usaha memperkukuh tadbir urus, integriti, serta keberkesanan sistem penguatkuasaan sektor awam.

Dalam pertemuan tersebut, Tan Sri Dr. Ismail Bakar menekankan inisiatif yang menyeluruh dan bersepadu, termasuk penubuhan Ombudsman Malaysia, dijangka akan memberi impak positif terhadap pengukuhan tadbir urus serta menyokong peningkatan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara. Beliau yakin bahawa **mandat dan bidang kuasa yang menyeluruh terhadap semua agensi perkhidmatan awam adalah kunci untuk memastikan Ombudsman Malaysia menjadi institusi yang lebih berkesan, mampu menerima dan menyelesaikan aduan secara menyeluruh serta menutup sebarang ruang kepada salah tadbir, salah laku dan pelanggaran integriti.**

Sebagai pelengkap kepada fungsi sedia ada, Tan Sri Dr. Ismail Bakar turut menyarankan agar dapatan siasatan dan syor yang dirujuk oleh Ombudsman Malaysia kelak boleh dimanfaatkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) bagi tindakan lanjut. Pendekatan ini dapat mengelakkan pertindihan proses siasatan, menjimatkan masa dan sumber serta mempercepatkan tindakan tatatertib terhadap pegawai awam yang terlibat, sekaligus menyokong sistem penguatkuasaan yang lebih efisien dan berkesan.

Selaras dengan peranan EAIC sebagai Ketua Peneraju *Focus Group* Penguatkuasaan di bawah Pasukan Petugas Khas CPI, cadangan-cadangan seperti ini mencerminkan usaha bersepadu untuk menyelaraskan dan memacu reformasi sistem penguatkuasaan negara. Melalui peranan ini, EAIC secara aktif merangka cadangan penambahbaikan berkaitan mekanisme aduan, siasatan, tata tertib, dan kebertanggungjawaban agensi penguatkuasaan, selaras dengan agenda memperkukuh integriti sektor awam.

EAIC yakin bahawa kerjasama antara badan pemantau seperti Ombudsman Malaysia dengan semua agensi penguatkuasaan akan membentuk ekosistem tadbir urus yang lebih kukuh, mempertingkatkan keyakinan rakyat, dan menyokong usaha kerajaan meningkatkan skor CPI Malaysia secara berterusan.

**Pautan Gambar:** [Link](#)

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**

---

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.

